

Soalan No: 50

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]****TARIKH : 15.11.2017****SOALAN :**

**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan dari pihak kementerian bagi membantu anak-anak pelarian asing seperti Rohingya untuk mendapat pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memberikan komitmen antarabangsa dalam pemerkasaan hak kanak-kanak dengan menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child* atau CRC) pada tahun 1995, namun mempunyai reservasi kepada beberapa Artikel termasuk Artikel 28(1)(a) yang menghendaki Negara Pihak untuk memberikan pendidikan rendah secara percuma kepada semua kanak-kanak tanpa mengira status kewarganegaraan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan proses penerimaan masuk murid bukan warganegara ke sekolah tetapi tertakluk kepada Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 seperti berikut:

- (i) anak kakitangan kedutaan asing;
- (ii) anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
- (iii) anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau
- (iv) kanak-kanak yang dipilih oleh kerajaan kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan kanak-kanak itu.

Penerimaan masuk murid bukan warganegara juga tertakluk kepada syarat-syarat seperti memiliki pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), membayar fi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan mengemukakan borang permohonan.